

Headline	Atur subsidi tuju sasaran		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	18
ArticleSize	227 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,986		



KENAIKAN TARIF ELEKTRIK

Atur subsidi tuju sasaran

■ Tarif baru bantu khidmat lebih cekap TNB

Berikut senarai soalan kerap ditanya (FAQ) mengenai rasionalisasi tarif yang disediakan syarikat tujuan khas (SPV) MyPOWER Corporation yang ditugaskan memperincikan inisiatif reformasi utama industri bekalan elektrik negara.

Mengapakah tarif elektrik perlu diselaraskan?

Kerajaan tidak dapat meneruskan subsidi bahan api yang semakin meningkat. Negara perlu berganjak daripada memberikan subsidi menyeluruh kepada subsidi disasarkan kerana subsidi boleh mengakibatkan peruntukan sumber tidak cekap.

Menurut laporan 2011 Dana Matawang Antarabangsa (IMF) apabila negara-negara berpendapatan rendah hingga sederhana mengamalkan subsidi menyeluruh, lebih kurang 46 peratus daripada subsidi tenaga itu dinikmati 20 peratus masyarakat teratas dengan hanya 7.0 peratus sampai kepada penduduk paling bawah.

Ini kerana golongan kaya biasanya menggunakan jumlah lebih tinggi sumber yang sukar didapati berbanding golongan miskin.

Bagaimanapun, bagi golongan miskin, penggunaan mereka selalunya terbatas,

tidak kira walaupun sesuatu sumber atau barangan itu sangat murah harganya.

Penyelarasan tarif elektrik satu langkah menstruktur semula subsidi ke suatu bentuk yang lebih menuju ke sasaran dan lebih mampan.

Kami memahami bahawa terdapat garisan rizab yang besar dalam bekalan elektrik. Adakah kami perlu membayar lebih untuk kapasiti berlebihan ini?

Selepas mengambil kira gangguan berjadual dan tidak berjadual serta nyah-kadaran (derating), garisan rizab sekarang adalah antara 5.0 peratus dan 21 peratus.

Apa yang berlaku di Sabah baru-baru ini menunjukkan kurangnya garisan rizab sihat menyebabkan sistem itu menjadi tidak berdaya harap dan tidak stabil.

Menurut Pelan Pembangunan Tenaga Semenanjung Malaysia, garisan rizab yang diramal bagi tempoh 10 tahun akan datang akan berkurangan kepada 16.4 peratus pada tahun 2023, walaupun loji-loji penjanaan elektrik baru dibina.

TNB meraih keuntungan setiap tahun, oleh itu tidakkah kadar tarif elektrik HARUS diturunkan bagi membantu rakyat Malaysia menanganai kos sara hidup yang tinggi?

Benar, TNB meraih keuntungan. TNB membayar cukai dan prestasinya diukur mengikut tanda aras rakan tempatan dan global. Mereka perlu memenuhi Petunjuk Prestasi Utama yang telah ditetapkan.

Keuntungan juga diperlukan untuk perbelanjaan modal bagi mengekalkan struktur modal efisien, dan untuk penambahbaikan prestasi rangkaian penghantaran dan pengagihan.

Pulangan TNB pada modal dilabur adalah di bawah kos dan keuntungan diperoleh lebih rendah berbanding perbelanjaan modal.

Dalam erti kata yang lain, sekiranya keuntungan TNB tidak berkembang selaras dengan hutang dan asetnya TNB tidak akan dapat berkhidmat dengan berkesan pada masa hadapan.

Adakah Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan dikenakan ke atas bil elektrik?

Menurut Bajet 2014, GST akan dikenakan ke atas semua pengguna berkuat kuasa pada April 2015. Bagaimanapun, pengguna domestik menggunakan 1-200 kWj sebulan tidak akan dikenakan GST. Tambahan pula, mereka tidak akan terjejas ekoran kenaikan tarif berkuat kuasa pada 1 Januari 2014. - BERNAMA